

27 AUG 2002

MAHATHIR-IT/I

MAHATHIR: MALAYSIA TIDAK JAUH KETINGGALAN DALAM BIDANG IT

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini bahawa Malaysia tidak ketinggalan terlalu jauh di belakang negara-negara lain dalam bidang teknologi maklumat (IT) kerana sebahagian daripada teknologi-teknologi yang dimajukan di negara ini merupakan yang pertama seumpamanya di dunia.

Menyebut kad pelbagai guna "MyKad" sebagai contoh, beliau berkata, walaupun Malaysia merupakan peserta baru dalam dunia IT dan tidak mempunyai ramai pakar IT, namun kad itu telah diiktiraf sebagai yang pertama di dunia oleh banyak negara, termasuk negara-negara maju.

"Kita masih baru, kita tidak ada ramai pakar dalam IT. Kita akan mengambil sedikit masa (untuk mempunyai lebih banyak pakar)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tamanya pada majlis jamuan tengah hari sempena perayaan ulang tahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang, yang diadakan di sini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Dr Mahathir berkata, orang dari negara lain juga telah datang ke Malaysia untuk mengetahui bagaimana negara ini mengendalikan kad pelbagai guna serta sistem pemeriksaan pasport yang dimajukan oleh rakyat Malaysia dan dilaksanakan di Los Angeles. -- BERNAMA

SA ZU SHY KY OS